

27/09/1999

Chow Kit jadi kawasan contoh

Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam proses memulihkan imej Chow Kit terutama Lorong Haji Taib yang sebelum ini dikenali sebagai kawasan hitam, dengan mengadakan pelbagai kegiatan berfaedah.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff, berkata antara kegiatan yang akan diadakan termasuk gotong-royong, menambah lampu jalan, laluan pejalan kaki dan memperkemaskan sistem pungutan sampah di kawasan berkenaan.

"Kita hendak tonjolkan Chow Kit sebagai kawasan contoh dan menolak semua imej negatif yang sering dilontarkan terhadap kawasan ini.

"Selain itu, kita ingin membantu memerangi gejala dadah yang sememangnya terkenal di kawasan ini dengan menyalurkan maklumat berfaedah kepada mereka yang terbabit, dalam usaha membantu mereka mengubah kehidupan," katanya dalam ucapan perasmian program Karnival Masyarakat Sayang Ikhlas, di sini hari ini.

Turut hadir, Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir dan Ahli Parlimen Bukit Bintang, Dr Lee Chong Meng.

Karnival sehari itu anjuran bersama Majlis Aids Malaysia dengan kerjasama DBKL dan Persatuan Pink Triangle.

Pelbagai kegiatan termasuk gotong-royong, rawatan perubatan, konsert percuma, pertandingan teh tarik, gubahan bunga dan solekan diadakan, bermula jam 9 pagi hingga 12 malam.

Terdahulu, Marina dalam ucapannya berkata program seumpama itu dapat menceriakan kawasan itu, dan berharap masyarakat lebih memahami masalah yang dihadapi oleh penagih dadah, pekerja seks dan penghidap HIV.

"Banyak lagi usaha boleh dilakukan selain karnival ini, dan kita harap ia mampu dijadikan projek contoh pada masa akan datang," katanya.

(END)